

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN HARI Q JABATAN-JABATAN PERSEKUTUAN PERINGKAT NEGERI KEDAH
Lokasi : NEGERI KEDAH
Tarikh : 02-02-1995

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana telah sudi menjemput saya merasmikan Hari Q Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri Kedah pada tahun ini.

2. Peningkatan kualiti ialah satu usaha yang perlu dijalankan sepanjang masa yang tiada penghujungnya. Program yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Kedah ini adalah satu usaha yang sangat bermakna bagi menentukan usaha-usaha peningkatan kualiti terus diterap, disebar, diperkemas dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

3. Walaupun Hari Kualiti disambut pada hari-hari tertentu setahun sekali tetapi ia merupakan satu kemuncak kepada usaha-usaha yang dijalankan sepanjang tahun dan ini boleh memberi semangat kepada semua anggota Kerajaan, dan memberi peluang bagi mengenengahkan usaha-usaha kualiti dan kreativiti yang dijalankan oleh jabatan masing-masing bagi mendapat pengiktirafan sewajarnya.

4. Pencapaian kualiti yang tinggi sudah tentu tidak mencukupi ataupun menjadi tempang sekiranya tidak disediakan dengan nilai-nilai murni. Nilai-nilai seperti amanah dan bertanggungjawab merupakan satu asas penting dan kukuh yang tidak dapat diganggu gugat untuk menentukan sumber kualiti dapat terus bertapak dengan tegap dan berkembang. Struktur kualiti sudah tentu tidak dapat bertahan, jauh sekali ditingkatkan sekiranya masih ada pegawai-pegawai yang sanggup menerima rasuah, tidak berdisiplin, tidak bersemangat dan tidak cintakan usaha-usaha yang terbaik. Begitu juga, pegawai yang menjalankan tugas sambil lewa, tidak akan dapat menghasilkan kerja dengan khidmat yang berkualiti.

Begitu juga nilai murni sahaja seperti amanah, tidak mencukupi tanpa satu usaha peningkatan kepakaran, kebolehan dan nilai-nilai kreatif pembaikan dalam semua aspek adalah perlu untuk membolehkan setiap pegawai awam menjalankan tugas yang lebih canggih dan menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan. Oleh itu, setiap pegawai awam perlu berusaha meningkatkan kepakaran masing-masing dalam apa juga bidang supaya tahap kualiti dan effesyensi dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa sesuai dengan keperluan dan kehendak-kehendak semasa dalam memenuhi keperluan pelanggan.

5. Hari ini teknologi maklumat merupakan penggerak utama dalam menentukan arah aliran dan keberkesanan sesuatu organisasi mahu pun sesebuah negeri. Oleh itu, setiap pegawai awam hendaklah menganggap ilmu dan penggunaan teknologi maklumat adalah bagi memudah, melicinkan dan mempercepat dan meningkatkan lagi hasil kerja. Usaha kerajaan ke arah mewujudkan 'paper-less civil service' adalah bertujuan untuk menuju ke arah tahap kualiti yang tinggi. Ini dapat dilaksanakan sekiranya prosidur-prosidur lapuk, borang, sistem fail, prosidur kerja dan peraturan-peraturan yang menghalang kecekapan perlaksanaan tugas dapat diperbaiki, diperkemas dan dimantapkan dari masa ke semasa. Yang jelas apa yang baik dahulu mungkin tidak sesuai pada hari ini. Begitu juga prosidur-prosidur, peraturan-peraturan, amalan-amalan kerja yang ada pada hari ini mungkin tidak sesuai lagi pada tahun-tahun hadapan. Setiap jabatan hendaklah mengkaji setiap prosidur kerja dan peraturan-peraturan yang sedia ada serta menentukan jenis-jenis latihan yang wajar diterima oleh pegawai dan kakitangan supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap. Saya ingin menyarankan di sini supaya setiap jabatan kerajaan, sama ada di peringkat negeri, pusat atau daerah mewujudkan satu mekanisme seperti agenda tetap dalam mesyuarat pengurusan mengenai perubahan yang telah dibuat dari semasa ke semasa. Saya percaya banyak perubahan boleh dibuat bagi menguatkan usaha-usaha kualiti dalam perkhidmatan awam dan perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan ini wajar direkodkan agar dapat diteladani dan dicontohi oleh agensi-agensi lain pula.

6. Kualiti juga memerlukan kerjasama dan semangat berpasukan yang kukuh. Banyak kerja dapat disempurnakan dengan lebih cepat dan cekap sekiranya wujud jalinan perhubungan yang erat di antara jabatan dan agensi Kerajaan baik di peringkat Persekutuan ataupun negeri.

7. Akhirnya, saya ingin mengingatkan slogan-slogan ini, iaitu; We are here to serve our clients. We are here to facilitate. We are here to make things easy. Saya berharap Ketua-ketua Jabatan Persekutuan akan terus meningkatkan usaha dan memberi komitmen yang kukuh demi pembangunan negeri Kedah.

8. Saya dengan sukacita merasmikan Hari Q Jabatan- jabatan Persekutuan Peringkat Negeri Kedah.